

ISTIADAT ULANGAN PENGHULU LUAK TANAH MENGANDUNG MENGADAP MENJUNJUNG DULI DI NEGERI SEMBILAN: SATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF SYARAK

Mualimin Mochammad Sahidⁱ, Fettane Amarⁱⁱ, Syed Mohammad Chaedarⁱⁱⁱ & Zulkifli^{iv}

ⁱ(Penulis Koresponden) Pensyarah. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mualimin.sahid@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah. Fakulti Ilmu Wahyu dan Ilmu-ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). fettane@iiium.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). muhay@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah. Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau. abifatih38@yahoo.co.id

Abstrak

Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Duli yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah sebuah upacara tradisional di Negeri Sembilan yang menggabungkan elemen adat dan syarak. Istiadat ini dilakukan bagi mengulangi ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Dato'-Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung kepada Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam konteks adat Perpatih ia merupakan aspek penting dalam mengekalkan keharmonian dan kestabilan masyarakat di Negeri Sembilan. Dari perspektif Syarak, istiadat ini juga mencerminkan prinsip-prinsip Islam yang menggariskan peri pentingnya ketaatan kepada pemimpin demi mengekalkan persatuan, kekuatan dan keamanan pemerintahan. Disamping itu, istiadat ini juga menjadi faktor yang signifikan dalam mengekalkan warisan adat Perpatih yang merupakan amalan masyarakat di Negeri Sembilan yang memperkukuh ketaatan kepada pemimpin. Artikel ini bertujuan menjelaskan maksud dan tujuan di sebalik istiadat yang unik ini serta kaitannya dengan prinsip Syarak menerusi Kaedah Fiqh "Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah" (Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya mesti berdasarkan unsur kemaslahatan). Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kepustakaan dengan menganalisa isu yang dikaji merujuk kepada pelbagai sumber rujukan primer dan sekunder. Di antara hasil kajian adalah bahawa Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Duli yang diamalkan sehingga ke hari ini bukan sahaja penting dalam konteks melestarikan budaya dan adat sahaja, tetapi juga mempunyai signifikan yang mendalam dari perspektif Syarak kerana mencerminkan hubungkait di antara adat dan syarak dalam mengekalkan kestabilan, keharmonian, dan keadilan dalam masyarakat khususnya di Negeri Sembilan.

Kata kunci: istiadat, adat perpatih, ulangan, mengadap, Negeri Sembilan, kaedah fiqh

PENDAHULUAN

SEKILAS SEJARAH NEGERI SEMBILAN

Negeri Sembilan (secara literal diterjemahkan sebagai sembilan negeri) wujud sebagai persekutuan Luak di bawah kawalan pelbagai pembesar, dengan Raja Melewar menjadi Raja pertama pada tahun 1773. Dengan termeterainya perjanjian 1885 antara Gabenor Negeri-negeri Selat, Raja (kemudian disebut sebagai Yamtuan Seri Menanti) dan pembesar, maka terbentuklah Negeri Sembilan seperti yang kita ketahui hari ini (Sahid, 2019).

Negeri Sembilan terdiri dari tiga (3) kawasan: 1. Tanah Mengandung, yang terdiri daripada Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir dan Luak Ineh. Manakala Seri Menanti dirujuk sebagai "Lingkungan". 2. Luak dibawah naungan Dato' Undang iaitu Sungei Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau dan wilayah Tampin yang merupakan sebahagian daripada Tampin dalam Negeri Sembilan, di bawah kawalan Tunku Besar Tampin. 3. Tiga Luak Gemencheh yang lebih kecil, Pesaka Air Kuning dan Linggi yang berada di bawah pemerintahan Yamtuan Seri Menanti ketika itu (Rosiswandy Bin Mohd. Salleh, 2012).

Setelah pembentukan Negeri Sembilan dipersetujui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Muhammad menyandang gelaran yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Luak yang sebelum ini dikuasai Yamtuan Seri Menanti secara automatik berikrar taat setia kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (Unit Protokol SUK Negeri Sembilan, 2023).

SISTEM KEPIMPINAN ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

Yang di-Pertuan Besar adalah pemerintah dan ketua negeri bagi Negeri Sembilan mengikut sistem raja berperlembagaan moden negeri berkenaan sejak tahun 1898. Permulaan perlantikan Yang di-Pertuan Besar ini berlaku pada abad ke-17 Masihi. Pemimpin yang mula-mula menggunakan gelaran Yang di-Pertuan Besar dalam sejarah Negeri Sembilan adalah Tunku Muhammad Yam Tuan Seri Menanti yang dilantik pada 29 April 1989. Baginda adalah merupakan putera sulung kepada Tuanku Antah ibni Almarhum Yamtuan Radin (Yam Tuan Antah). Baginda juga merupakan Raja atau Yam Tuan yang ke-7 Negeri Sembilan atau Seri Menanti.

Mengikut falsafah dan sejarah kepimpinan masyarakat di Minangkabau, Sumatera Barat yang merupakan asal usul adat Perpatih yang masih diamalkan di Malaysia sehingga ini, kepimpinan adat Perpatih adalah mengutamakan kebajikan dan kebijaksanaan yang bersumber dan merujuk kepada kitabullah dan sunnah Nabi SAW. Justeru, tiada percanggahan di antara adat dan agama (syarak), bahkan yang berlaku adalah satu penyatuan daripada keduanya. Nilai dan falsafah inilah yang ada di dalam sistem kepimpinan adat Perpatih yang telah mengakar dan diyakini oleh masyarakat di Negeri Sembilan. Berdasarkan nilai dan falsafah inilah sistem kepimpinan di Negeri Sembilan memiliki keunikannya yang tersendiri.

Tidak seperti lazimnya sistem kepemimpinan di negeri lain, Negeri Sembilan mempunyai perbezaan dalam kepemimpinan dan urusan pertabalan serta penggantian pewaris takhta. Jika dalam amalan adat Temenggung kebiasaannya apabila berlaku kemangkatan, pengganti Sultan dilantik dari kalangan putera Almarhum yang sulung. Walaubagaimanapun, penggantian Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah dipilih berdasarkan kesepakatan dan perakuan Undang Yang Empat, iaitu: Undang Luak Sungai Ujong, Undang Luak Johol, Undang Luak Jelebu dan Undang Luak Rembau.

Sistem bermesyuarat (*syura*) dan kesepakatan (*muafakat*) di antara Undang Yang Empat dalam memilih Yam Tuan Imam (adinda Yam Tuan Radin pada 1861), dan pemilihan Tuanku Antah, anakanda saudara Yam Tuan Imam, serta perlantikan Tuanku Ja'far (adinda Tuanku Munawir pada 1967) dan bukannya putera baginda (Tuanku Mukhriz) sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah merupakan simbol keadilan dan permuafakatan dalam sistem kepemimpinan di Negeri Sembilan Darul Khusus sebagai amalan adat Perpatih.

Sistem pemilihan yang unik ini telah menjadi cirikhas Negeri Sembilan dalam melantik pemimpin (Yang di-Pertuan Besar) yang berbeza dengan perlantikan pemimpin (Sultan) di negeri-negeri lain. Inilah yang dikatakan uniknya amalan Adat Perpatih ini. Walaubagaimanapun, tidak dapat disangkal Yang di-Pertuan Besar adalah simbol keadilan Negeri Sembilan Darul Khusus. (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, 2020)

UPACARA ISTIADAT ULANGAN PENGHULU LUAK TANAH MENGANDUNG MENGADAP MENJUNJUNG DULI

Secara sejarah dan adat yang diamalkan, Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli adalah hasil daripada keputusan yang diambil berdasarkan kesepakatan bahawa luak di bawah kawalan langsung Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan hendaklah berikrar sujud dan bersumpah laknat sekali tiga tahun dalam satu upacara Istiadat yang dikenali sehingga ke hari ini sebagai Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli ini.

Istiadat ini dijadikan sebagai simbol taat setia dan menjunjung titah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seluruh rakyat yang diwakili oleh para Penghulu memperbaharui sumpah taat setia kepada pemerintah negeri, menunjukkan kesetiaan dan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan adat. Para Penghulu juga menerima arahan dan titah daripada pemerintah negeri, yang perlu dipatuhi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Berikut adalah di antara aturcara Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli yang dilaksanakan sekali setiap tiga tahun:

1. Istiadat Menurunkan dan Memasang

Istiadat bermula dengan perarakan masuk Dato'-Dato' Penghulu Luak dan Dato'-Dato' Lembaga ke Istana Besar Seri Menanti, didahului oleh Dato'-Dato' terkecil mengikut susunan adat. Alat Kebersaran Diraja diturunkan dan diletakkan di perkarangan Lobi Istana Besar Seri Menanti untuk diperiksa oleh YAM Tunku Besar Seri Menanti mewakili DYMM Yang di-Pertuan Besar serta disaksikan oleh kaum kerabat, Anak-Anak Raja Bergelar dan Penghulu serta Pembesar Luak. Ia diikuti dengan tiga das tembakan hormat untuk menandakan permulaan tiga hari upacara.

2. Istiadat Bersiram

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan berangkat menaiki Takhta Rencana menuju ke Panca Persada, dihela oleh Pegawai 99 Istana. Permulaan perarakan disahut oleh lapan das tembakan meriam. Istiadat bersiram bermula di Panca Persada.

Setelah DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan bersila di Panca Persada, Orang Empat Istana yang diketuai oleh Dato' Seri Amar Diraja akan membawa cepu Bedak Limau dan mengelilingi pelamin sebanyak tujuh kali, berhenti setiap kali satu pusingan bagi DYMM mencelup tangan ke dalam adunan bagi mengiktirafkan upacara bersiram secara simbolik. Upacara diakhiri dengan persembahan kebudayaan tradisional. DYMM kemudiannya akan berlepas dari Panca Persada dengan menaiki Takhta Rencana yang sama apabila upacara selesai disahut oleh lapan das tembakan meriam.

3. Istiadat Mengadap

Istiadat mengadap merupakan upacara kemuncak istiadat Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli. Ia diadakan secara tertutup di Balairung Seri, Istana Besar Seri Menanti. Ia dimulakan dengan Dato' - Dato Penghulu Luak mengambil tempat masing-masing di atas Seri Raja Dimuda yang disediakan berhadapan dengan singgahsana.

Keberangkatan masuk Kebawah Duli Tuanku berdua, diiringi oleh YAM Putera Yang Empat diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 11 das. Kebawah Duli Tuanku berdua bersemayam di atas singgahsana diapit di sebelah kanan oleh YAM Tunku Besar Seri Menanti dan YAM Tunku Laksamana, sementara YAM Tunku Muda Serting dan YAM Tunku Panglima Besar duduk di sebelah kiri. Dato' Seri Amar Diraja akan memohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk

memulakan Istiadat. Istiadat dimulakan dengan bacaan doa oleh YB Sohibus Samahah, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Istiadat menjunjung duli dan lafaz taat setia, dimulakan dengan rombongan luak mengikut giliran yang telah ditetapkan adat, iaitu dimulakan dengan luak terkanan. Rombongan luak ini diketuai oleh Penghulu Luak masing-masing dengan aturan: 1. Luak Ulu Muar, diketuai oleh Dato' Bendahara Setia Maharaja, Setia Maharaj Lela Pahlawan, 2. Luak Jempol, diketuai oleh Dato' Lela Putra Setiawan, 3. Luak Terachi, diketuai oleh Dato' Anjah Pahlawan, 4. Luak Gunung Pasir, diketuai oleh Dato' Orang Kaya Mempasir Setiawan, 5. Luak Ineh, diketuai oleh Dato' Pahlawan Lela Perkasa Walad Kuala Dioh.

Majlis diakhiri dengan Titah Ucapan DYMM yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli berakhir dengan rasmi di sebelah petang apabila Alat Kebesaran Diraja yang dipasang selama tiga hari di perkarangan Istana Besar Seri Menanti dibawa masuk semula juga dengan penuh adat istiadat dengan diiringi tiga das tembakan meriam (Unit Protokol SUK Negeri Sembilan, 2023).

KAEDAH FIQH "TASARRUF AL-IMAM 'ALA AL-RA'ITYYAH MANUTUN BI AL-MASLAHAH" (TINDAKAN PEMIMPIN KE ATAS RAKYATNYA MESTI BERDASARKAN UNSUR KEMASLAHATAN).

Dalam Islam, kaedah fiqh "*Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya mesti berdasarkan unsur kemaslahatan*" [*Tasarruf Al-Imam 'Ala Al-Ra'iyah Manutun Bi Al-Maslahah*] adalah prinsip yang penting dalam memastikan keadilan, kesejahteraan, dan kebaikan untuk masyarakat. Kaedah ini menekankan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh pemimpin harus berorientasikan kepada kemaslahatan umum (*public interest*) dan mengelakkan kemudaratatan (al Zarqa, 1989).

Di antara aspek penting yang terkandung dalam kaedah ini adalah: *kemaslahatan*. Kemaslahatan merujuk kepada segala bentuk kebaikan dan kepentingan yang membawa manfaat serta menghindarkan mudarat kepada masyarakat. Dalam konteks pentadbiran, kemaslahatan merangkumi kesejahteraan sosial, ekonomi, politik, dan keselamatan.

Terdapat prinsip-prinsip kemaslahatan yang menjadi tujuan pensyariatatan agama Islam, di antaranya adalah: *pertama*: prinsip mencegah kemudaratatan (*Daf'u al-Mafasid*). Dalam prinsip ini menerangkan bahawa seorang pemimpin itu perlu mengambil langkah-langkah untuk mencegah kemudaratatan atau bahaya yang boleh menjejaskan masyarakat. Ini termasuk aspek keselamatan, kesihatan, moral dan lain-lain.

Kedua: prinsip mengutamakan atau mengambil kebaikan (*Jalb al-Masalih*). Ia bermaksud setiap keputusan dan tindakan perlu diambil untuk membawa kebaikan dan manfaat kepada rakyat. Contohnya, pembangunan infrastruktur, pendidikan, ekonomi dan lain-lain.

Di samping itu, prinsip *kemaslahatan* ini juga menumpukan kepada penjagaan lima (5) asas utama tujuan pensyariatian yang dikenali dengan istilah *Maqasid al-Syariah* atau tujuan-tujuan pensyariatian hukum syarak yang meliputi pemeliharaan lima perkara, iaitu: *pertama*: memelihara agama, yang bermaksud memastikan kebebasan beragama dan mengamalkan ajaran agama. *Kedua*: memelihara nyawa, iaitu dengan menjamin keselamatan nyawa dan kesihatan rakyat. *Ketiga*: memelihara akal, dengan memastikan pendidikan yang baik dan mencegah perkara yang merosakkan akal seperti dadah, pemikiran songsang dan lain-lain. *Keempat*: memelihara keturunan (nasab), iaitu menjaga institusi keluarga dan memastikan keturunan yang baik menerusi pensyariatian hukum perkahwinan yang sah mengikut rukun dan syaratnya. Kelima: memelihara harta, yang bermaksud menjamin hak milik dan keselamatan ekonomi rakyat bagi memastikan kesejahteraan dan kebaikan semua. (Sahid, 2018)

Dalam Islam, seorang pemimpin perlu menjadikan kemaslahatan rakyat yang dipimpin sebagai keutamaan. Bentuk dan cara pelaksanaan kaedah kemaslahatan oleh pemimpin adalah dengan menggariskan peraturan dan polisi yang berasaskan kemaslahatan. Polisi dan undang-undang yang dibuat oleh pemimpin haruslah bertujuan untuk kepentingan umum dan menghindarkan sebarang bentuk kezaliman atau ketidakadilan. Dalam membuat keputusan, pemimpin juga perlu mengambil kira pandangan pakar, ulama, dan masyarakat untuk memastikan keputusan tersebut membawa manfaat dan menghindari mudarat. Pemimpin juga harus memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat hak mereka dan tidak berlaku diskriminasi atau ketidakadilan dalam pengagihan sumber pendapatan negara. Isu perlindungan hak asasi manusia juga perlu diambil berat oleh pemimpin bagi menjamin hak-hak asasi manusia termasuk kebebasan bersuara, hak mendapatkan pendidikan, dan perlindungan daripada sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa. (Mochammad Sahid et al., 2021)

Dalam sejarah Islam, terdapat beberapa contoh yang ditunjukkan oleh beberapa pemimpin Islam dalam pelaksanaan kemaslahatan. Seperti yang ditunjukkan oleh sahabat Nabi SAW yang bernama Umar ibn al-Khattab. Beliau terkenal dengan prinsip keadilannya dan banyak mengambil langkah yang bermatlamatkan kemaslahatan, seperti memperkenalkan sistem gaji tetap untuk tentera dan membina infrastruktur awam seperti jalan raya, saluran air dan lain-lain. Pemimpin muslim hebat lain, iaitu Sultan Muhammad al-Fatih, juga boleh menjadi contoh dalam melaksanakan prinsip kemaslahatan. Sultan Muhammad al-Fatih adalah seorang pemimpin yang sangat mengambil berat berkaitan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi serta memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya semasa penaklukan Kota Constantinople. (Rahman, 2017)

Berdasarkan perkara tersebut, kaedah fiqh "*Tindakan pemimpin ke atas rakyatnya mesti berdasarkan unsur kemaslahatan*" menekankan kepentingan keadilan, kesejahteraan, dan kebaikan umum dalam setiap tindakan yang diambil oleh pemimpin. Ini memastikan bahawa pentadbiran dan kepimpinan selari dengan prinsip-prinsip Islam yang mengutamakan kemaslahatan, sekaligus menjamin

kesejahteraan dan keadilan dalam masyarakat. Pemimpin yang berpegang kepada prinsip ini akan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan dan mengelakkan sebarang bentuk kemudaratan atau ketidakadilan.

Justeru, objektif yang terkandung di dalam Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli ini mencerminkan pesan penting berkaitan hubungan pemimpin dan rakyat yang mana segala tindakan, keputusan yang dibuat oleh pemimpin mestilah bertunjangkan unsur memelihara kemaslahatan dan menjamin kebaikan untuk rakyat secara keseluruhannya.

TINJAUAN SYARAK KE ATAS ISTIADAT ULANGAN PENGHULU LUAK TANAH MENGANDUNG MENGADAP MENJUNJUNG DULI

Tinjauan syarak ke atas Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli melibatkan penilaian bagaimana elemen-elemen dalam upacara ini selari dengan prinsip-prinsip Islam. Berikut adalah analisis dari sudut syarak mengenai istiadat tersebut:

1. Prinsip Ketaatan kepada Pemimpin

Ditinjau dari segi syarak, dalam Islam, ketaatan kepada pemimpin adalah satu prinsip penting selagi pemimpin tersebut tidak menyuruh kepada perkara yang bercanggah dengan syarat dan ajaran-ajaran Islam. Firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 59: *"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada 'Ulil-Amri' (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."*

Dari sisi padangan Istiadat pula, dapat dilihat bahawa amalan adat dimana Penghulu memperbaharui sumpah taat setia kepada DYMM pemerintah negeri, mencerminkan ketaatan kepada pemimpin yang sah. Ini selari dengan prinsip Islam yang mengajar ketaatan kepada pemimpin, seperti pesanan dalam Surah An-Nisa' ayat 59 di atas.

2. Prinsip Menjalankan Amanah dan Keadilan

Agama Islam menekankan pentingnya menjalankan amanah dan berlaku adil. Dalam Surah An-Nisa' ayat 58, Allah berfirman: *"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil."* Ayat ini menunjukkan bahawa memegang amanah dengan penuh tanggungjawab adalah kewajiban setiap orang dan bukan hanya seorang pemimpin sahaja. Jika yang diberi amanah adalah seorang pemimpin, maka kewajiban dan tanggungjawab tersebut semakin besar kerana ia melibatkan seluruh rakyat yang dipimpin. Justeru, apa yang dilihat dalam amalan Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli adalah sebuah isyarat agar pemimpin melaksanakan tanggungjawab untuk berlaku adil dan amanah dalam

menjalankan tugas. Ini mencerminkan keperluan untuk mematuhi prinsip-prinsip keadilan dan amanah dalam Islam.

3. Prinsip Mengangkat Martabat Adat Selari dengan Syarak

Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli adalah di antara banyak amalan dalam adat Perpatih. Ia dilihat mampu mengetengahkan prinsip-prinsip yang diiktiraf oleh syarak kerana adat tersebut tidak bertentangan dengan agama. Jika difahami dengan mendalam, adat perpatih yang diamalkan dalam istiadat ini mempunyai elemen-elemen yang selari dengan prinsip syarak, terutama dalam aspek ketaatan dan keadilan. Justeru, dapat dikatakan bahawa adat perpatih yang menjadi asas istiadat ini boleh diterima dalam kerangka syarak kerana tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam.

4. Prinsip Permohonan Doa dan Keberkatan

Dalam aturcara Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli, terdapat pembacaan doa mohon keberkatan yang dibacakan oleh datuk mufti kerajaan bagi memberkati berlangsungnya majlis istiadat ini. Doa dan memohon keberkatan adalah amalan yang sangat digalakkan dalam Islam. Dalam banyak hadis, Rasulullah SAW menggalakkan umatnya untuk sentiasa berdoa dan memohon keberkatan dari Allah SWT. Perkara ini juga menjadi petunjuk jelas bahawa upacara yang melibatkan doa untuk memohon restu dan keberkatan daripada Allah SWT ini adalah selari dengan amalan Islam yang menggalakkan doa dalam setiap aspek kehidupan (Abu Zakaria Al-Nawawi, 2015).

5. Prinsip Memelihara Perpaduan dan Kesatuan

Merujuk kepada tujuan dan makna di sebalik upacara Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli, ia bertepatan dengan prinsip bahawa agama Islam sangat menekankan perpaduan dan kesatuan dalam kalangan umatnya. Firman Allah dalam Surah Ali Imran ayat 103: *"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai."* Justeru, istiadat ini berfungsi sebagai satu bentuk dan cara untuk memperkukuh perpaduan dan kesatuan dalam masyarakat. Penghulu sebagai pemimpin adat memainkan peranan penting dalam memelihara keharmonian dan kesatuan dalam komuniti mereka, apatah lagi sultan atau raja. Ia dapat dilihat dari serangkaian acara dan aturcara yang terdapat dalam istiadat amalan adat Perpatih ini.

Secara keseluruhannya, Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli mengandungi elemen-elemen yang selari dengan prinsip syarak. Ketaatan kepada pemimpin, menjalankan amanah dan keadilan, pengiktirafan adat yang tidak bertentangan dengan syarak, doa dan keberkatan, serta perpaduan dan kesatuan adalah prinsip-prinsip yang selaras dengan ajaran

Islam. Oleh itu, istiadat ini boleh dianggap sebagai satu amalan yang bukan sahaja mempertahankan tradisi tetapi juga memperkukuh nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat.

KESIMPULAN

Sebagai satu adat dan tradisi yang dipertahankan dan terus diamalkan, Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli ini mempunyai tujuan dan simbol yang menunjukkan pentingnya ketaatan kepada pemimpin, keamanan dan keharmonian dalam masyarakat, kesejahteraan rakyat serta keberkatan hidup yang aman, makmur dan berdaulat. Istiadat ini memperlihatkan integrasi di antara adat dan syarak, di mana raja atau sultan bukan sahaja berperanan sebagai pemimpin yang ditaati dan dijunjung tinggi secara adatnya, tetapi juga sebagai pemimpin yang mematuhi prinsip-prinsip Islam.

Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Duli juga bukan sahaja penting dalam konteks adat dan masyarakat, tetapi juga mempunyai kepentingan yang mendalam dari perspektif syarak. Ia mencerminkan perpaduan di antara adat dan dalam mengekalkan kestabilan, keharmonian, dan keadilan dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Abu Zakaria Al-Nawawi. (2015). *Al-Adzkar Al-Nawawi*. Pustaka Al-Kautsar.
- al Zarqa, A. M. (1989). *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (2nd ed.). Dar al-Qalam.
- Mochammad Sahid, M., Chaedar, M., Mohammed, B., Hasan, M., & Amar, F. (2021). Leadership System of Adat Perpatih In Malaysia As A Model of Consensus and Democracy Concept: An Analytical Study. *Psychology and Education Journal*, 58(3), 1199–1206. <https://doi.org/10.17762/PAE.V58I3.3590>
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. (2020). *Sejarah Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. <https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan>
- Rahman, M. S. A. (2017). *Kuasa Keemimpinan Al-Fateh* (M. S. Sulaiman, Ed.). PTS Publishing House.
- Rosiswandy Bin Mohd. Salleh. (2012). *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan*. <http://www.jmm.gov.my/ms>
- Sahid, M. M. (2018). *Muzakkirah Fi Maqasid Syariah* (1st ed.). Penerbit USIM.
- Sahid, M. M. (2019). *Modul Adat Perpatih Patuh Syariah di Malaysia* (1st ed.). Darul Syakir Enterprise.

Unit Protokol SUK Negeri Sembilan. (2023). *Buku Istiadat Ulangan Penghulu Luak Tanah Mengandung Mengadap Menjunjung Duli*. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.